

# NELAYAN BANTAH PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

Sinar Harian 25/4/2019 m/s 18



## Tak mahu 'skrip' sama dari kerajaan Pusat

### KUALA TERENGGANU

— Kerajaan perlu bertindak bagi menyelesaikan isu pencerobohan nelayan asing ke perairan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa, Dr Azaman Ibrahim berkata, kerajaan dituntut segera menyelesaikan isu melibatkan keselamatan nelayan tempatan.

"Kita tak mahu jawapan dengan 'skrip' yang sama daripada kerajaan sama ada kekurangan aset

atau lautan yang luas yang perlu dikawal.

"Kita mahu ada satu jawapan yang pasti, dan tindakan segera yang boleh membendung masalah ini," katanya.

Menurutnya, isu pencerobohan nelayan asing bukan hanya merugikan, malah mengancam keselamatan nelayan tempatan.

Beliau berkata, terdapat dua perkara di dalam isu pencerobohan nelayan asing iaitu, nelayan asing menggunakan bot asing dan nelayan asing menggunakan bot tempatan.

"Kedua-dua isu ini perlu ditangani sebaiknya oleh kerajaan yang mana kebanyakannya melibatkan nelayan Vietnam.

"Kita di Terengganu tak lagi hadapi ancaman nelayan Thailand atau dari negara lain," katanya.

Beliau turut mendangarkan supaya semua agensi penguatkuasaan disatukan di bawah satu penyelaras tugas supaya penguatkuasaan dapat di-optimumkan sekaligus menyelesaikan masalah.



Azman (kanan) bertemu kumpulan nelayan yang mengadakan bantahan secara aman menentang pencerobohan nelayan asing di perairan negara yang diadakan di muara Sungai Terengganu, semalam.



Ahmad Amzad menerima memorandum diserahkan oleh kumpulan nelayan diwakili Ahli Lembaga Pengaruh Persatuan Nelayan Dungun, Bahiyuddin Awang Harun (tiga dari kiri).

## Akta Perikanan 1985 perlu dipinda

KUALA TERENGGANU — Akta Perikanan 1985 perlu dipinda bagi menyelamatkan hasil laut daripada terus musnah akibat 'kerakusan' nelayan asing yang mengaut untung dengan menceroboh perairan negara.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Ahmad Amzad Hashim berkata, perkara itu perlu disegearkan memandangkan kadar hukuman yang dikenakan terlalu ringan dan tidak mendatangkan kegeruan kepada mereka untuk terus mengulangi kesalahan itu.

"Perundangan yang mencakupi akta sedia ada berkenaan perikanan negara perlu dipinda bagi memperkenalkan undang-undang yang lebih berat kepada penceroboh yang melanggar undang-undang negara.

"Sekiranya tidak diambil serius, hasil laut negara akan musnah tiada

apa yang akan tinggal pada generasi akan datang," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan juga perlu meneliti dengan baik keupayaan agensi-agensi penguat kuasa negara yang menjalankan tugas dan peruntukan lebih perlu diberikan kepada agensi yang benar-benar memerlukan.

"Saya dapati, di Kuala Terengganu sebanyak 13 asset laut secara keseluruhan ditempatkan iaitu lima kapal dan lapan bot, tetapi yang boleh beroperasi hanya sebuah kapal dan dua buah bot kerana yang lain terlibat dalam proses baik pulih," katanya.

Mengulas lanjut mengenai isu pencerobohan nelayan asing, katanya, perkara itu hangat diperkatakan komuniti nelayan di pantai timur semenanjung negara terutama di Terengganu.